

26 NOV 1997

LIMA 97--Saingan

SAINGAN SENGIT DI PASARAN LIMA '97

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '97) tahun ini mulai minggu depan akan menyaksikan satu lagi saingan sengit pemasaran ketika Amerika Syarikat cuba untuk mengambil semula pasaran senjata di Asean yang baru-baru ini jatuh ke tangan musuh lamanya, Rusia.

Monopoli syarikat-syarikat senjata AS ke atas pasaran senjata di rantau ini terjejas dengan teruk apabila pembeli tradisi mereka, angkatan tentera Malaysia, membeli 18 jet pejuang jenis Mikoyan Mig-29 dari Rusia diikuti dengan pembelian lapan pesawat pencantas jarak jauh Sukhoi SU-27 oleh Indonesia yang baru dipersetujui.

Kerajaan Indonesia pada mulanya bercadang untuk membeli 12 pesawat F-16 dari syarikat McDonnell Douglas tetapi membatalkannya berikutan tekanan AS ke atasnya berhubung dengan isu hak asasi manusia di Timur Timor.

Untuk merebut balik pasaran senjata yang mewah ini, AS telah engesahkan penyertaan yang besar pada LIMA tahun ini termasuk helikopter penyerang terbaik di dunia, AH-64 Apache, dan kapal kelas AEGIS yang paling moden.

Menurut ramai pakar strategi ketenteraan helikopter penyerang Apache telah menunjukkan keupayaan cemerlang semasa Perang Teluk dan bertanggungjawab memusnahkan sistem pertahanan udara Iraq dan sebarisan kubu pertahanan bawah tanah di Kuwait yang ditakluki waktu itu.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Penerangan AS (USIS), Jabatan Pertahanan dan Jabatan Perdagangan AS berkata mereka sedang membuat persediaan untuk penyertaan yang paling besar sejak LIMA diadakan.

Pada LIMA tahun ini, AS akan juga mempamerkan pesawat penyerang F-16 Fighting Falcon yang akan mengadakan pertunjukan udara, pesawat pengisi minyak dari udara ke udara, KC-135 dan dua helikopter SH-60B Seahawk.

Sementara itu, kapal pemusnah peluru berpandu British HMS Nottingham Type 42 akan menyertai pameran maritim LIMA'97.

Kapal itu yang boleh beroperasi dalam semua keadaan peperangan moden diperalatkan dengan peluru berpandu dari darat ke udara Seadart, meriam anti peluru berpandu Phalanx dan meriam Vickers 4.5 inchi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan melawat kapal itu pada 3 Dis ketika ia berlabuh di jeti kapal besar yang baru disiapkan.

Helikopter kapal itu, jenis Westland Lynx akan berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk menyertai pertunjukan udara pada setiap hari sepanjang pameran itu.

Helikopter Westland Lynx mempunyai radar Seaspray dan peluru berpandu Sea Skua yang bertanggungjawab menenggelamkan beberapa kapal tentera laut Iraq semasa Perang Teluk. -- BERNAMA

SLR WAT